

16/04/1999

Pembelian KPB tidak babitkan PM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak terbabit langsung dengan keputusan Petronas membeli kepentingan syarikat milik anaknya, Mirzan - Konsortium Perkapalan Bhd (KPB).

Menjelaskan bahawa tindakan itu bukan satu langkah penyelamat ke atas KPB, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Othman Abdul, berkata pembelian kepentingan KPB itu diputuskan secara sendirian oleh Petronas berasaskan kepada penilaian mereka sendiri.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (Bebas-Permatang Pauh) yang meminta Perdana Menteri mengesahkan kenyataan bahawa beliau tidak terbabit dalam langkah menyelamatkan syarikat Mirzan.

"Saya hairan mengapa Yang Berhormat membangkitkan perkara ini sedangkan Yang Berhormat sendiri ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menjelaskan bahawa Perdana Menteri tidak langsung terbabit dengan keputusan Petronas untuk membeli kepentingan KPB, yang diterajui Mirzan," katanya.

Othman berkata, kerajaan juga sedar bahawa Petronas adalah di bawah tanggungjawab JPM, namun tanggungjawab itu terbatas kepada perkara berkaitan dasar pembangunan industri petroleum negara.

(END)